



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 MEI 2021 (ISNIN)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

31 MEI 2021 (ISNIN)

Pengguna jangan panik, barang cukup - CAP

GEORGETOWN: Orang ramai diminta menghentikan segera pembelian panik melibatkan bekalan makanan susulan sekatan pergerakan penuh bermula esok.

Pegawai Pendidikan Persekutuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), N.V. Subbarow berkata, ini kerana kerajaan sudah memberi jaminan bekalan makanan mencukupi sepanjang tempoh tersebut dan pengguna tidak perlu menyimpan stok makanan di rumah masing-masing secara berlebihan.

"CAP berharap pengguna berhenti membuat pembelian panik kerana sikap ini akan membuatkan bekalan barangan boleh terputus," katanya di sini semalam..

Pengguna di seluruh negara dilaporkan membuat pembelian panik bermula kelmarin ekoran pelaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula esok hingga 14 Jun ini.

Pembelian panik tetap berlaku walaupun Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Al-



CAP menggesa orang ramai menghentikan segera pembelian panik kerana bukan sahaja tidak membantu mencegah penularan wabak Covid-19, malah boleh menyebabkan harga barangan melambung.

boleh meningkat mendadak.

"Pengguna harus bertanggungjawab sepenuhnya dengan sikap mereka, ini kerana apabila permintaan untuk barangan keperluan meningkat sudah pasti harganya juga akan melambung.

"Jangan beli barang terlalu banyak dan simpan di rumah

kerana boleh rosak dan menyebabkan berlaku ziran," katanya.

CAP juga menggalakkan pengguna pergi ke pasar dalam sehari sahaja seminggu.

"Tentukan terlebih dahulu barang apa yang akan di beli dan pergi ke kedai yang paling hampir dengan rumah. "ujarnya.